

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 10 MAC 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 13

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1221-L16779
Dato' Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah insentif Kementerian bagi menggalakkan pengusaha pertanian:-
 - (a) mempraktikkan kaedah pengurusan perosak bersepadu bagi mengurangkan kos racun perosak; dan
 - (b) menggunakan kaedah fertigasi yang telah terbukti memberi hasil pengeluaran yang tinggi serta menjimatkan penggunaan baja.

2. PR-1221-L17868
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
 - (a) apakah bidang-bidang yang menjadi pilihan dalam pemberian geran bantuan kewangan kepada penyelidik akademik tempatan dan terangkan kenapa bidang-bidang tersebut menjadi pilihan; dan
 - (b) apakah pencapaian yang dicapai oleh penyelidik tempatan yang boleh dibanggakan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan apakah bentuk bantuan dan usaha untuk mengkomersialkannya.

3. PR-1221-L16912
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kanser di kalangan rakyat Malaysia dan apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan pemeriksaan kanser di kalangan rakyat Malaysia di bandar dan luar bandar.
4. PR-1221-L16672
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menambah Bank Kerjasama Koperasi seperti Bank Rakyat dalam usaha membantu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam menyediakan Tabung Modal Pusingan bagi menggerakkan koperasi dalam negara kita.
5. PR-1221-L16825
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah pelajar Bumiputera yang mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil di seluruh negara pada tahun 2006, 2007 dan 2008.
6. PR-1221-L17963
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan memandangkan pelatih-pelatih yang mendaftar mendapatkan lesen memandu berhadapan dengan masalah memahami menggunakan kaedah ujian berkomputer kerana tidak ramai tahu dan mahir menggunakan komputer:-
 - (a) adakah Kerajaan bercadang memansuhkan ujian berkomputer ini; dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang membenarkan mereka yang gagal ujian berkomputer diberi kelonggaran dengan hanya diperlukan lulus peperiksaan dalam kaedah yang lain.
7. PR-1221-L18370
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status rancangan jangka panjang untuk melihat Wilayah Persekutuan Labuan dihubungkan dengan tanah besar Sabah, berikutan Kerajaan telah membelanjakan RM5 juta untuk kajian bersepadu yang dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS). Dengan perbelanjaan yang banyak untuk satu kajian, adakah ianya tetap dilaksanakan. Sekiranya dilaksanakan, adakah status bebas cukai Labuan akan ditarik balik seperti Pulau Pinang sebelum ini.

8. PR-1221-L17467
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah kes pergaduhan dan penjenayah di sekolah dalam negeri Melaka dari tahun 2003 hingga 2008 dan berapa kes yang melibatkan Sekolah Menengah Teknik Melaka dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat.
9. PR-1221-L17170
Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah dana yang dikutip oleh semua pihak untuk rakyat Palestin baru-baru ini dan bagaimana maklum balas Kerajaan terhadap cadangan agar para pelajar Palestin yang layak ditaja untuk belajar di universiti negara ini dalam pelbagai bidang yang boleh membina negara Palestin kembali.
10. PR-1221-L16757
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memperkasakan Majlis Fatwa Kebangsaan.
11. PR-1221-L17617
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan memandangkan harga minyak asli telah turun ke paras rendah iaitu sama harga pada tahun 2007 dan awal tahun 2008. Kenapa Kerajaan masih mengizinkan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) mengenakan bayaran tambahan ke atas penerbangan antarabangsa.
12. PR-1221-L17157
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah nilai pembelian bangunan perumahan bagi polis di Taman Nelly Kolombong, Inanam, dan apakah sebab semua bangunan tersebut dirobuhkan setelah didiami oleh anggota polis kurang dari 5 tahun.
13. PR-1221-L17619
Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana pemantauan dilakukan oleh Kerajaan bagi membendung salah laku dan salah urus tadbir dalam syarikat-syarikat yang dikuasai oleh Khazanah Nasional dan Badan-badan Berkanun.
14. PR-1221-L18117
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membangunkan semula Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh memandangkan ia yang menelan belanja RM54 juta kini telah berada dalam keadaan yang terbiar dan usang.

15. PR-1221-L16548
Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sehingga tahap mana rancangan DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur satu 'wireless city' kerana terdapat banyak aduan bahawa perkhidmatan Internet oleh KL Wireless adalah sangat lembap.
16. PR-1221-L18003
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah 10 tindakan spesifik yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menambah baik sistem pengangkutan negara dalam masa 12 bulan yang lalu dan apakah status terkini Suruhanjaya Pengangkutan Awam.
17. PR-1221-L16603
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan peruntukan yang telah diberi dan kejayaan yang telah dicapai bagi pembekalan elektrik dan air dan pembinaan jalan luar bandar mengikut kawasan Parlimen di Sarawak semenjak tahun 2004.
18. PR-1221-L18178
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dasar dan program Kerajaan untuk memajukan kaum Orang Asli dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat yang paling miskin tidak kira kaum dan agama. Nyatakan bilangan rakyat miskin tegar dan usaha Kerajaan untuk membantu mereka.
19. PR-1221-L17021
Datuk Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi kepadatan pelajar di SK Pekan Kinarut, Papar.
20. PR-1221-L16601
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai dan nilai harta Kerajaan Persekutuan yang akan dijual untuk mengurangkan defisit bajet, sepertimana yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan dalam temuduga di majalah The Edge pada bulan Januari 2009.
21. PR-1221-L16898
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pesakit mental dikategorikan sebagai OKU dan usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi membantu keluarga yang terdapat dalam kalangan ahli keluarganya mengalami masalah mental.

22. PR-1221-L17576
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bagaimana tahap pencapaian pelaksanaan Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah Kementerian (rujuk jawapan 7 Julai 2008); dan
 - (b) adakah ia menunjukkan peningkatan prestasi kerja di Kementerian yang telah melaksanakan sistem ini. Berikan fakta terperinci untuk Kementerian yang telah melaksanakan sistem ini. (masa untuk memperbaharui MyKad telah turun daripada 6 bulan pada tahun 2000 ke satu minggu pada tahun 2008).
23. PR-1221-L16506
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan Al-Quran dan dokumen rujukan keagamaan Islam lain yang dijual di pasaran terpelihara daripada sebarang kesilapan dan kesalahan terutama sekali dari segi proses pencetakan dan penerbitan ayat-ayat Al-Quran sama ada di dalam dan di luar negara.
24. PR-1221-L17029
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa tiada pihak yang mengambil tindakan atas laporan polis yang dibuat oleh Sharmila Turaisingam pada 12 Januari 2008 dan pengakuan bersumpahnya yang mana bercanggah dengan penerangan SPR melalui Jawapan Lisan Parlimen pada 16 Oktober 2008.
25. PR-1221-L17322
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah untuk menurunkan bayaran bil elektrik; dan
 - (b) adakah kementerian akan mengadakan promosi bagi pelabur luar dan peniaga tempatan menjelang krisis ekonomi meleset sedunia.
26. PR-1221-L17512
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kos barang dan perkhidmatan yang semakin meningkat walaupun Kerajaan telah bertindak menurunkan harga petrol beberapa kali.

27. PR-1221-L16575
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kenapa projek pembinaan 200 unit rumah di tapak seluas 20 ekar yang terletak di Tanah Merah, Ranau tidak dapat diteruskan walaupun peruntukan sudah diperoleh dalam beberapa tahun yang lepas.
28. PR-1221-L17725
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah subsidi sebulan yang diberikan untuk membantu keluarga kurang mampu dan orang kurang upaya (OKU) di Sabah jika dibandingkan di Semenanjung.
29. PR-1221-L17687
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah projek-projek yang boleh dilaksanakan oleh IKS atau projek-projek yang dikenal pasti oleh Kerajaan untuk IKS bagi membolehkan mereka mengharungi suasana kegawatan ekonomi dan bagaimanakah Kerajaan membantu IKS Bumiputera meneroka peluang ekonomi baru seperti penyediaan tenaga alternatif, bioteknologi dan produk halal.
30. PR-1221-L17544
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan jumlah pendapatan kesemua Syarikat Penjana Tenaga Bebas (IPP) dari Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pernahkah terdapat sebarang rundingan antara Kementerian dan IPP berkaitan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA).
31. PR-1221-L17245
Dato' Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan hasrat pembangunan negara di bawah inisiatif projek koridor-koridor pembangunan dapat diteruskan dengan lancar dalam keadaan cabaran pembangunan ekonomi hari ini.
32. PR-1221-L17633
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar pihak Kerajaan melalui Peguam Negara telah memaklumkan kepada Pengerusi SPR bahawa Kabinet membuat keputusan tidak membenarkan penggunaan dakwat kekal (indelible ink) menjelang PRU ke-12 yang lalu.

33. PR-1221-L16888
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memilih beberapa buah pulau yang berpotensi menjadi pusat percutian dan pelancongan yang bertaraf antarabangsa seperti Pulau Langkawi bagi memesatkan lagi industri pelancongan negara ini.
34. PR-1221-L17434
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi membantu pelajar sekolah penerbangan yang menghadapi masalah membiayai kos pembelajaran yang tinggi.
35. PR-1221-L17799
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] **MENTERI KEWANGAN** minta menyatakan mengapakah masih terdapat komponen alat ganti kereta nasional jenis Perdana yang masih tinggi harganya berbanding kereta-kereta yang setaraf dengannya dan mengapakah masih ada alat-alat ganti yang tidak berkualiti.
36. PR-1221-L16816
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menghadapi kemungkinan begitu ramai rakyat kehilangan pekerjaan sehingga 400,000 orang yang dijangka hilang pekerjaan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan antara 350,000 hingga 400,000 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura yang menghadapi kemungkinan diberhentikan apabila kira-kira setengah juta pekerja di Singapura berdepan dengan kemungkinan diberhentikan.
37. PR-1221-L16518
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapa ramaikah kanak-kanak tidak bernegara (stateless kid) yang terdapat di negeri Sabah; dan
 - (b) adakah pihak Kerajaan bersedia untuk memberikan latihan vokasional kepada mereka ini bagi memenuhi keperluan tenaga kerja negara yang banyak bergantung dengan buruh asing.
38. PR-1221-L17648
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pelan Kerajaan dalam memelihara kepentingan perdagangan negara di pasaran antarabangsa dalam menghadapi keadaan ekonomi lembap kini.

39. PR-1221-L16582
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bagaimana Kerajaan boleh mengawal sikap tamak Maxis, Celcom, Digi dan lain-lain yang terus menerima pelanggan baru sehingga menyebabkan banyak gangguan talian telefon di hampir semua kawasan liputan mereka.
40. PR-1221-L18190
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) sama ada pihak Kementerian menerima hakikat bahawa bilangan anggota polis di seluruh negara adalah mencukupi sekiranya diukur mengikut nisbah anggota polis kepada orang awam seperti yang disarankan Interpol; dan
 - (b) adakah langkah-langkah lain yang akan diambil untuk memerangi jenayah selain daripada menambah bilangan anggota polis.
41. PR-1221-L18095
Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap penganjuran Langkawi International Dialogue (LID) dan adakah ianya akan diteruskan lagi bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara Dunia Ketiga dari segi diplomasi, perdagangan dan keakraban bersama negara.
42. PR-1221-L16981
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang kertas dan syiling yang berada di dalam pasaran di dalam negara pada tahun 2007 dan 2008 serta kaedah pengagihan mengikut negeri-negeri.
43. PR-1221-L18239
Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Akta Pembeli Barangan Terpakai 1946 (Second Hand Dealers Act 1946) masih diguna pakai dan adakah ianya berkesan untuk menangani kawalan pembelian barangan kecurian.
44. PR-1221-L17017
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah benar terdapat satu pekeliling daripada Ketua Setiausaha mengatakan bahawa semua operasi penguatkuasaan daripada mana-mana pejabat Kementerian perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Setiausaha sebelum operasi bermula dan sekiranya benar, mengapa sedemikian.

45. PR-1221-L17998
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah peranan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) dalam mendaulatkan Bahasa Malaysia agar setanding dengan bahasa lain dan apakah Kementerian ada cadangan untuk memperuntukkan kuasa kepada DBP bagi membolehkannya mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang merendahkan kedaulatan bahasa kebangsaan.
46. PR-1221-L17401
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik bagi jumlah dan nilai projek perumahan terbengkalai negara terkini dan pandangan mengenai cadangan pelaksanaan sistem insurans pembinaan projek perumahan, sebagaimana yang dilaksanakan di New South Wales bagi memastikan sesuatu projek perumahan itu dapat disempurnakan sekiranya pemaju gagal menyiapkannya.
47. PR-1221-L17355
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kriteria Kerajaan apabila sesetengah kenderaan dikecualikan daripada peraturan pemakaian tali pinggang keledar tempat duduk belakang.
48. PR-1221-L18327
Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang royalti petroleum yang telah dibayar secara terus oleh Kerajaan kepada Kerajaan negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak dari tahun 2000 hingga 2008.
49. PR-1221-L16560
Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyediakan lebih banyak kemudahan perkhidmatan perbankan (ATM) di kawasan-kawasan stesen minyak di kawasan luar bandar khususnya di Sabak Bernam, yang mana bilangan pengguna ramai, tetapi kemudahan ATM agak jauh di kawasan-kawasan pekan sahaja.
50. PR-1221-L17450
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah kriteria yang digunakan oleh Kerajaan dalam menentukan jenis bahan luar yang disiarkan stesen TV1 dan TV2 dan nyatakan berapa jenis bahan luar yang disiarkan oleh kedua-kedua saluran tersebut dan apakah kategori bahan-bahan tersebut.

51. PR-1221-L17116
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pegawai-pegawai Kerajaan yang berstatus kontrak akan diserap sebagai pegawai tetap sedangkan mereka telah berkhidmat lebih 3 tahun dan telah menunjukkan prestasi yang cemerlang.
52. PR-1221-L17793
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah konkrit yang diambil Kerajaan dalam melaksanakan resolusi tentang Palestin yang diputus Dewan Rakyat 12 Januari 2009.
53. PR-1221-L16837
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan istimewa FELDA bagi menjadikan warga peneroka lahir sebagai golongan berpendapatan pertengahan dan berapakah nilai pendapatan golongan ini sebulan.
54. PR-1221-L17498
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah cara dan mekanisme penentuan dan pengkelasan kaunter-kaunter yang halal dalam pasaran kewangan oleh Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Sejauh mana perkembangannya dari tahun ke tahun.
55. PR-1221-L16828
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan peranan yang dimainkan oleh anggota RELA dalam membantu mengawal kemasukan pendatang asing tanpa Izin (PATI) dan membantu menjaga keamanan dan kedamaian nyata berkesan, apakah rancangan Kementerian untuk membantu anggota-anggota RELA.
56. PR-1221-L17935
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) jumlah modal pelaburan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam pasaran saham dari tahun 2006 hingga 2008; dan
 - (b) berapakah jumlah hasil atau keuntungan daripada pasaran saham dari tahun 2006 hingga 2008.

57. PR-1221-L18309
Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status dan garis panduan peraturan penggunaan tali pinggang keledar belakang di Malaysia memandangkan agensi penguatkuasaan termasuk pihak polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengalami masalah yang sama dalam menguatkuasakan peraturan tersebut.
58. PR-1221-L16696
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah peraturan yang telah dan akan diwujudkan bagi memastikan bangunan-bangunan pencakar langit lebih hijau dan efisien dari penggunaan tenaga, air dan pengudaraan.
59. PR-1221-L17082
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kaedah dan strategi yang diguna pakai bagi menentukan pembahagian atau taburan yang lebih saksama dan adil projek-projek pembangunan infrastruktur agar tiada kawasan atau wilayah, khasnya di pedalaman Sarawak, terkecuali dari menikmati manfaatnya.
60. PR-1221-L17815
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pengundi berdaftar dan tidak berdaftar di setiap negeri, apakah strategi yang diambil untuk memaksimumkan pendaftaran termasuk menggantikan langkah-langkah yang selama ini telah gagal dengan tujuan untuk memaksimumkan pendaftaran.
61. PR-1221-L18400
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan memasang generator ke sekolah-sekolah pedalaman Sarawak kerana masih ada lagi sekolah yang belum dibekalkan daripada program pemasangan tahun 2007/2008.
62. PR-1221-L18021
Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghidupkan semula perbincangan secara terperinci dengan negara-negara OIC, NAM dan ASEAN mengenai penggunaan mata wang Dinar Emas memandangkan kebergantungan ekonomi dunia kepada Dollar Amerika antara punca ekonomi merudum pada masa ini.

63. PR-1221-L17337
Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan pegawai polis tidak menyeksa tahanan melampaui batasan dan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa bebas.
64. PR-1221-L18268
Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kementerian akan pastikan nisbah semasa polis kepada penduduk 1:1500 (anggaran) di daerah Polis Damansara, Selangor kepada nisbah yang disyorkan kepada Interpol iaitu satu anggota polis kepada 250 orang (1:250).
65. PR-1221-L16856
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kaedah yang akan digunakan untuk mengenal pasti kesan Skim Full Paying Patient di Hospital Selayang terhadap tugas pakar melakukan ward-rounds di wad umum, mengadakan sesi perbincangan dengan doktor yang sedang berlatih, dan melibatkan diri dalam pembedahan untuk pesakit yang tidak membayar.
66. PR-1221-L16939
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha membantu industri makanan laut sejuk beku yang terjejas akibat Kesatuan Eropah menyekat kemasukan produk makanan laut sejuk beku baru-baru ini.
67. PR-1221-L17176
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengenai peruntukan dan perancangan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Muda (MADA) yang merupakan kawasan utama padi negara.
68. PR-1221-L17908
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa kadar pengangguran di Sarawak dalam tahun 2008 dan kadar pengangguran yang dijangka dalam tahun 2009. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran ini.

69. PR-1221-L16528
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan bersedia menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan sebagai lapangan terbang antarabangsa agar sama taraf dengan Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang kerana Kelantan adalah negeri Pantai Timur yang berdekatan dengan negara Asean seperti Thailand, Vietnam, Cambodia, Laos, Myanmar dan Medan (Indonesia) dan juga negara China.
70. PR-1221-L17596
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak terhadap pendapatan negara sejak penurunan harga minyak mentah dan nyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula projek-projek mega berikutan berkurangnya pendapatan negara dan implikasi kemelesetan ekonomi sekarang.
71. PR-1221-L16999
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan punca mengapa banyak projek R&D yang dilaksanakan di bawah RMK-7, RMK-8 dan RMK-9 mempunyai potensi pengkormesialan (commercialization potential) yang rendah dan apa langkah-langkah proaktif yang dilakukan Kerajaan untuk mengatasinya.
72. PR-1221-L17208
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah manfaat / kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka yang mempunyai taraf Penduduk Tetap di Malaysia berbanding dengan warganegara asing (tanpa taraf penduduk tetap).

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Razali bin Haji Ibrahim [Muar] dan masalah dicadangkan:-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kedua Belas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (5 Mac 2009)

- | | | | | |
|----|---------------|--|------------|-----------------------------------|
| 2. | (D.R. 2/2009) | Rang Undang-undang
Tambahan (2009) 2009 | Perbekalan | Bacaan Kali
Yang Kedua |
|----|---------------|--|------------|-----------------------------------|

DAN

YAB. Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

“BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima billion ringgit (RM5,000,000,000) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2009, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2009 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2009 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut”.

- | | | | |
|----|----------------|--|---|
| 3. | (D.R. 31/2008) | Rang Undang-undang Perlindungan Saksi
2008. | “ |
| 4. | (D.R. 30/2008) | Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika
Hakim 2008. | “ |
| 5. | (D.R. 14/2008) | Rang Undang-undang Institusi Pendidikan
Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. | “ |

- | | | | |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 6. | (D.R. 15/2008) | Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008. | “ |
| 7. | (D.R. 19/2008) | Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. | “ |
| 8. | (D.R. 28/2008) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008 | “ |
| 9. | (D.R. 18/2008) | Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 2008. | “ |
| 10. | (D.R. 20/2008) | Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008. | “ |
| 11. | (D.R. 26/2008) | Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008. | “ |
| 12. | (D.R. 29/2008) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008. | “ |
| 13. | (D.R. 13/2008) | Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 – Pertimbangan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (28 Ogos 2008) | |
| 14. | (D.R. 1/2009) | Rang Undang-undang Fi (Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan) (Pengesahan) 2009 | Bacaan Kali Yang Kedua |

15. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8 (3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM30 juta kepada Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMPSB), suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti.”

16. PR-1221-U16540
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa fenomena pemanasan dunia (Global Warming) sejak akhir-akhir ini telah menjadi begitu serius dan negara Malaysia tidak terkecuali daripada hambatan fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, keadaan cuaca negara kita tidak lagi menentu di mana hujan dan panas tidak lagi bermusim. Keadaan ini telah menyebabkan kejadian banjir kilat, tanah runtuh dan banyak lagi kemusnahan alam sekitar yang lain. Dan mengambil maklum bahawa, kesan pemanasan dunia ini telah menyebabkan suhu air laut meningkat yang mana menyebabkan paras air laut meningkat dan kemusnahan terumbu-terumbu karang yang dahulunya menjadi sarang pembiakan hidupan marin. Dan mengambil maklum bahawa akhir-akhir ini, akibat daripada fenomena ini, ramai jiwa yang tidak berdosa juga turut terkorban. Maka, dengan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil peranan secara aktif dan mengerahkan semua jentera Kerajaan untuk meminda dan menguatkuasakan undang-undang, sama ada yang sedia ada atau pun yang bakal dipinda, supaya mana-mana aktiviti yang boleh menyebabkan kemusnahan alam ini dapat dibendung atau dikurangkan ke tahap minima."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

17. PR-1221-U16550
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara Malaysia mula dipengaruhi dengan masalah polarisasi kaum. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya polarisasi kaum ini tidak dibendung sekarang, negara akan terjunam ke kancah ketegangan dan perpecahan kaum. Dan mengambil maklum bahawa peranan untuk mengharmonikan hubungan antara kaum di negara ini boleh dipupuk dengan berbagai cara termasuklah peranan oleh Kerajaan badan-badan bukan Kerajaan, badan-badan keagamaan dan sebagainya. Dan mengambil maklum juga bahawa usaha Kerajaan dalam menangani masalah ini boleh dipanjangkan lagi kepada badan-badan yang dimaksudkan di atas. Dan mengambil maklum juga bahawa syarikat-syarikat termasuklah agensi-agensi Kerajaan atau para majikan juga boleh memainkan peranan yang penting ke arah keharmonian kaum di negara ini, di mana sekiranya para majikan menyediakan kuota bagi pengambilan pekerja mereka di semua peringkat.

Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar-dasar atau akta meminta badan-badan yang disebutkan di atas untuk memainkan peranan dalam usaha ini dan dalam pada yang sama Kerajaan hendaklah memberikan mereka dana yang secukupnya bagi maksud ini. Maka dengan ini dewan ini hendaklah juga mengambil ketetapan untuk meminta dan memastikan majikan untuk mengamalkan pengambilan pekerja menurut pecahan kaum di negara ini."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

18. **Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)** akan mencadangkan :-

'Bahawa Dewan ini membincangkan kelakuan Tan Sri Zaki Tun Azmi, Ketua Hakim Negara Malaysia, dalam menyatakan tanpa sebarang syarat di Kuching pada 7hb November, 2008 bahawa apabila beliau merupakan seorang pengamal undang-undang pada tahun 1987, antara lain yang berikut:

"It took me six months to be nice, to bribe each and every individual to get back into their good books before our files were attended to. That was my personal experience and I am telling this to all clerks and all the registries to stop this nonsense."

dan kemudian menjelaskan [pada 8hb November, 2008, berkenaan laporan dalam akhbar NST bertarikh 8hb November, 2008 yang menerbitkan kata-kata di atas] seperti berikut:

"I refer to your report on page 4 of the NST headlined, "Stop it now, corrupt court staff warned. "
Your reporter must have interpreted what I said, which is that during that period there was corruption in order to get things done at the court registry, as myself having done it."

Yang mana adalah jelas merupakan satu penipuan yang mengakibatkan keseluruhan badan kehakiman yang diketuai oleh beliau mendapat nama buruk.

Dan Dewan ini mengambil notis, bahawa Surat Terbuka bertarikh 16hb Disember 2008 oleh YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor telah memanggil kepada Tan Sri Zaki Tun Azmi untuk meletak jawatan sebagai Ketua Hakim, Malaysia atas alasan bahawa beliau telah mengakui secara umum bahawa beliau telah melakukan rasuah pada tahun 1987 tetapi sehingga kini YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor masih belum menerima sebarang maklum balas daripada beliau dan ini jelas menunjukkan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi mengakui diri beliau adalah korup.

Dan Dewan ini memanggil Perdana Menteri untuk mengguna pakai peruntukan Perkara 125(3), Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan merujuk Tan Sri Zaki Tun Azmi kepada satu Tribunal berdasarkan fasal 4 untuk memecat Tan Sri Zaki Tun Azmi daripada jawatan sebagai Ketua Hakim Negara atas alasan salah laku di mana beliau telah menipu secara umum.

Dan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi adalah digantung kerja sebagai Ketua Hakim Negara sementara menunggu suatu laporan daripada Tribunal tersebut di bawah klausa 3.

Ahli-ahli yang Berhormat yang turut mengusulkan:-

- 2) YB Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
- 3) YB Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
- 4) YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- 5) YB Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- 6) YB Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- 7) YB Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- 8) YB Tuan Kulasegaran a/l Murugeson (Ipoh Barat)
- 9) YB. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan)
- 10) YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- 11) YB Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
- 12) YB Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
- 13) YB Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
- 14) YB Puan Teo Nie Ching (Serdang)
- 15) YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- 16) YB Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
- 17) YB Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan)
- 18) YB Dr. Charles Santiago (Klang)
- 19) YB Tuan Jef Ooi Chuan Aun (Jelutong)

- 20) YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
- 21) YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
- 22) YB Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- 23) YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
- 24) YB Tan Sri Dato' Khalid bin Ibrahim (Bandar Tun Razak)
- 25) YB Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
- 26) YB Tuan Gobalakrisnan a/l Nagapan (Padang Serai)
- 27) YB Tuan Zulkifli bin Nordin (Kulim Bandar Baharu)
- 28) YB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (Permatang Pauh)
- 29) YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
- 30) YB Tuan Chua Tian Chang (Batu)
- 31) YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang)
- 32) YB Dato' Johari Abdul (Sg. Petani)
- 33) YB Dato' Dr. Zainal Abidin Ahmad (Hulu Selangor)
- 34) YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang)
- 35) YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai)
- 36) YB Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
- 37) YB Tuan Mohd. Yusmadi Bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
- 38) YB Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)
- 39) YB Dato' Kamaruddin bin Jaffar (Tumpat)
- 40) YB Dato' Haji Wan Abd. Rahim Bin Wan Abdullah
(Kota Bharu)
- 41) YB Dr. Mohd. Hatta Bin Md. Ramli (Kuala Krai)
- 42) YB Dr. Lo' Lo' binti Haji Mohamed Ghazali (Titiwangsa)
- 43) YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang (Marang)

- 44) YB Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa)
- 45) YB Dr. Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
- 46) YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja)
- 47) YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusof (Rantau Panjang)
- 48) YB Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota)
- 49) YB Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
- 50) YB Dato' Rashid Bin Din (Merbok)
- 51) YB Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
- 52) YB Tuan Haji Ahmad Bin Kasim (Kuala Kedah)
- 53) YB Dr. Haji Mohd. Hayati Bin Othman (Pendang)
- 54) YB Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
- 55) YB Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
- 56) YB Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md. Taib (Baling)
- 57) YB Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
- 58) YB. Tuan Muhamad bin Husain (Pasir Putih)
- 59) YB. Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
- 60) YB. Tuan Mohd Nasir Bin Zakaria (Padang Terap)
- 61) YB. Tuan Mohd. Firdaus Bin Jaafar (Jerai)
- 62) YB. Tuan Che Uda bin Che Nik (Sik)

(Perdana Menteri)

19. PR-1221-U16591

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat rungutan para majikan terutama sekali dalam sektor industri tani, perladangan dan pembuatan bahawa mereka terpaksa mengambil atau mengimport tenaga kerja daripada negara luar kerana ketiadaan tenaga kerja dari negara ini. Dan mengambil maklum bahawa dengan kebanjiran tenaga kerja dari luar negara ini, banyak masalah sosial yang timbul selain daripada masalah ketenteraman awam. Selain itu tukaran asing negara juga turut terlibat dengan pemindahan wang yang berjumlah berjuta-juta ringgit sebulan setiap kali mereka mengirinkan wang ke negara asal mereka.

Dan mengambil maklum bahawa terdapat ramai kanak-kanak yang tidak bernegara (stateless kids) pemegang IMM13 dan mereka yang diberikan status penduduk tetap di negeri Sabah dan juga negara Malaysia. Mereka ini merupakan sumber tenaga buruh yang sedia ada di negara ini dan kebanyakan mereka ini tidak lagi bercadang untuk kembali ke negara asal mereka dan sekali gus tukaran asing negara tidak terjejas kerana tidak ada kiriman wang yang dibuat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan latihan vokasional kepada mereka yang dimaksudkan di atas bagi membolehkan mereka bekerja di negara ini dan sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber tenaga kerja asing."

(Menteri Sumber Manusia)

20. PR-1221-U16629

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi peluang kepada masyarakat India dan Cina menjawat jawatan di sektor perkhidmatan awam secara beramai-ramai."

(Perdana Menteri)

21. PR-1221-U16630

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membina Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia demi memenuhi keperluan masyarakat India."

(Menteri Pelajaran)

22. PR-1221-U16698

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan mengenal pasti dan merancang satu sistem pelupusan sisa pepejal yang terbaik, bersepadu dan mesra alam dalam kadar seberapa segera mungkin bagi membolehkan sisa pepejal dapat di kitar semula sehingga lebih 70% supaya boleh ditukar dalam berbagai produk termasuk penjana tenaga dan 30% sisa organik lain boleh dijadikan baja kompos setelah disimpan hanya beberapa bulan di tapak pelupusan sanitari. Cadangan ini dibuat memandangkan hampir semua negeri-negeri di seluruh negara mengalami masalah kekurangan tapak pelupusan sisa pepejal yang kemudian berkait dengan jadual kutipan sisa pepejal dan status kebersihan sekitar. Dalam masa yang sama usaha gigih perlu dibuat dalam melatih dan mendisiplinkan masyarakat melaksanakan sistem kitar semula sebagaimana yang dilaksanakan dalam negara maju bagi memudahkan pengurusan sisa pepejal di masa akan datang."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

23. PR-1221-U16702

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta supaya Pengajaran/Pembelajaran Sains dan Matematik (PPSM) terutama peringkat rendah sudah sampai masa di tukar balik pengajarannya dalam Bahasa Ibunda masing-masing memandangkan tahap pencapaian pelajar selepas satu kohot jelas kurang memuaskan terutama bagi pelajar luar bandar (Desa). PPSMI yang dilaksanakan sejak September 2002 adalah bertentangan dengan Dasar Kebangsaan, Akta Pendidikan 1961/1986/1996, Penyata Rahman Talib, 1960, Penyata Razak, 1956 serta akta-akta lain termasuk Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Oleh itu kita perlu kembali kepada dasar yang betul iaitu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dibuat oleh Kerajaan sendiri."

(Menteri Pelajaran)

24. PR-1221-U16704

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan membina banyak lagi empangan di hulu sungai bagi membantu mendapatkan bekalan air bersih tanpa pencemaran yang tinggi sebagaimana amalan sekarang di mana punca air diambil dari sungai yang sudah tercemar."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

25. PR-1221-U16710

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia supaya tidak membazir wang yang banyak dalam menyediakan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai bagi menjaga keselamatan dalam mana-mana pilihan raya kecil bagi memastikan demokrasi berjalan lancar kerana rakyat makin matang dan bersedia mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak keselamatan apabila ruang dan peluang yang sama dan adil diberi kepada parti-parti yang bertanding. Sebaliknya bilangan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai boleh mewujudkan suasana tegang, tidak selesa dan risau kepada pengundi."

(Menteri Dalam Negeri)

26. PR-1221-U16788

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan untuk mengambil pendirian mengenai kezaliman yang sedang berlaku di Negara Palestin dan Sri Lanka yang tidak menghormati hak asasi manusia sehingga membunuh beribu-ribu nyawa yang tidak bersalah."

(Menteri Luar Negeri)

27. PR-1221-U16790

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan harus mengubahsuaikan cara koordinasi yang baru melalui penubuhan satu suruhanjaya untuk memantau kemajuan sekolah SK, SJK(C) dan SJK(T) serta pengambilan guru-guru tetap di sekolah-sekolah ini secara seimbang."

(Menteri Pelajaran)

28. PR-1221-U16990

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana Pasukan Polis Diraja berjaya melaksanakan syor-syor Laporan Suruhanjaya Diraja, pengambilan rekrut untuk mencapai bilangan 150,000 anggota dan keberkesanan untuk menjaga keselamatan di seluruh negara."

(Menteri Dalam Negeri)

29. PR-1221-U16991
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi tsunami kewangan termasuk sebab musabab harga diesel, gas dan petrol tidak boleh diturunkan lagi."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

30. PR-1221-U17074
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

31. PR-1221-U17085
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa bekas Menteri Luar Negeri (1999), Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dikenakan tindakan di bawah Peraturan Tetap 13(2) dan dibawa ke Jawatankuasa Disiplin kerana berbohong di Dewan Rakyat yang mulia pada 15 Julai 1999. Pada hari tersebut ketika membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 yang dirujuk di dalam Hansard Jilid V, Bil. 24, 15 Julai 1999, p.67 berkata:-Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa akta Suruhanjaya ini memenuhi Prinsip-prinsip Paris, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat juga telah diberi perhatian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Menurut laporan dan cadangan International Coordinating Committee (ICC) bertarikh 21 April 2008 di Geneva, penggubalan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 tidak berlandaskan kepada Prinsip Paris sehingga kedudukan Malaysia mungkin diturunkan dari "A" kepada "B".

(Perdana Menteri)

32. PR-1221-U17179
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- " Bahawa Dewan dengan ini memutuskan agar setiap penduduk di Sabah yang telah dan sedang mendaftar sebagai Daftar Lewat Sijil Kelahiran yang terkandung dalam Undang-undang Pendaftaran Sijil Kelahiran juga mengguna pakai Ordinan Kelahiran Sabah, Cap 123 tahun 1953 yang disatukan sebagai undang-undang sewaktu pembentukan negara Malaysia pada 16 September 1963 dalam Akta Pendaftaran Kelahiran."
- (Menteri Dalam Negeri)**
33. PR-1221-U17183
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan dengan ini menetapkan untuk membincang berkaitan tarikh pembentukan negara Malaysia agar perkara ini tidak lagi dipertikaikan dan tarikh tersebut dapat dicatatkan ke dalam rekod Kerajaan dan dapat dicetak ke dalam buku sejarah yang diguna dalam pendidikan sejarah di sekolah-sekolah dan pengajian tinggi."
- (Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)**
34. PR-1221-U17188
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- " Bahawa Dewan dengan ini dapat membincang dengan seriusnya mengenai kedudukan Cabotage Policy agar polisi ini tidak mengetepikan hak rakyat Sabah dalam pengangkutan perkapalan laut serta tidak membezakan harga barangan seharian bagi Semenanjung dan Sabah / Sarawak."
- (Menteri Pengangkutan)**
35. PR-1221-U17960
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan harus menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dengan segera. Ini dapat dijelaskan melalui SUHAKAM. SUHAKAM menyatakan bahawa ISA menahan seseorang tanpa bicara bertentangan dengan deklarasi Hak Asasi Manusia. Dalam laporan dan kajian SUHAKAM mencadangkan agar akta zalim itu dimansuhkan sepertimana hasil kajian yang telah dihantar kepada Kerajaan sejak tahun 2003."
- (Perdana Menteri)**

36. PR-1221-U17966

Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan membahaskan dan memindahkan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta 597) sepertimana ditegaskan oleh The International Coordinating Comitte (ICC) bahawa beberapa perkara tidak jelas dan mematuhi prinsip-prinsip Paris dan kemungkinan diturunkan dari status A ke B. Berdasarkan pemerhatian oleh ICC, SUHAKAM diberi tempoh sehingga April 2009 sahaja dan Kerajaan harus memberi perhatian serius untuk mempertahankan status SUHAKAM."

(Perdana Menteri)

37. PR-1221-U18080

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang negara."

(Menteri Penerangan)

38. PR-1221-U18084

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

39. PR-1221-U18087

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

40. PR-1221-U18090

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

41. PR-1221-U18093

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB. Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Perdana Menteri)

42. PR-1221-U18211

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibentangkan kepada Panel Penilaian Bebas untuk dinilai dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara, kemudian dibahaskan dalam Parlimen, demi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. Ini adalah berikutan dari kes prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mengenai pembelian 12 unit EC-725 telah mendatangkan kesan positif dalam menjelaskan proses pembelian aset pertahanan kepada rakyat umum."

(Menteri Pertahanan)

43. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

'Islam adalah agama bagi Persekutuan **termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya**'.

(Perdana Menteri)

44. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

‘Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, **kecuali undang-undang dan syariat Islam**, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat ia berlawanan itu’.

(Perdana Menteri)

45. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

‘Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, **termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam**.

Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya’.

(Perdana Menteri)

46. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:-

‘tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan’ dan diganti dengan perkataan berikut:-

‘dan mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syarak’ dan undang-undang Islam termasuk

membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang Islam’.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas”.

(Perdana Menteri)

47. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah memansuhkan dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain anggota beruniform tidak dipaksa dan/atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/atau bertafakur di hadapan Tugu Negara”.

(Menteri Dalam Negeri)

48. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan autoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-raja”.

(Perdana Menteri)

49. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**’ dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Menteri Luar Negeri)

50. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya peruntukan pembangunan berjumlah RM1,000,000-00 dan lain peruntukan yang selama ini diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional juga diberikan kepada kesemua Ahli Parlimen termasuk dari bukan Kerajaan menurut terma dan syarat sebagaimana yang diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional”.

(Menteri Kewangan)

51. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**’ dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Perdana Menteri)

52. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India**’ dengan Menteri Kewangan sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Menteri Kewangan)

53. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut”.

(Menteri Pelajaran)

54. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan atau halangan”.

(Menteri Penerangan)

55. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta”.

(Menteri Dalam Negeri)

56. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Air Asia supaya kakitangan wanitanya terutama pramugari hendaklah berpakaian yang lebih sopan sekurang-kurangnya seperti pramugari Penerbangan Malaysia”.

(Menteri Pengangkutan)

57. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia dan Air Asia supaya membenarkan kakitangan wanitanya yang beragama Islam khususnya pramugari dibenarkan memakai tudung menurut yang ditetapkan oleh hukum syarak’ dengan pakaian seragam yang bersesuaian sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei Airline dan lain-lain”.

(Menteri Pengangkutan)

58. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras sebagaimana yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei dan lain-lain”.

(Menteri Pengangkutan)

59. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom di premisnya”.

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

60. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al-Maunah dan lain-lain jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi”.

(Menteri Dalam Negeri)

61. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Hindu Hindraf dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi”.

(Menteri Dalam Negeri)

62. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jame' Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Aidilfitri dan Aidiladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini”.

(Perdana Menteri)

KERTAS PEMBERITAHUAN

1. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion tiga ratus empat puluh satu juta enam ratus tujuh puluh tujuh ribu empat ratus ringgit (RM2,341,677,400) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2008, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2008 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2009 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut”.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2009</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD.1	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2008	10 Mac 2009
CMD.1A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2008	10 Mac 2009
CMD.2	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2008	10 Mac 2009
CMD.2A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama , 2008	10 Mac 2009
CMD.3	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh 16 Jun 2008 Hingga 21 Disember 2008, Menurut Peraturan 68 Di Bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.	10 Mac 2009
ST.28	Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2008, Menurut Seksyen 6 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1066.	10 Mac 2009